



PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

TINGKAT 6 WISMA SRI PAHANG,
25592 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.

No. Tel : +609 512 6800 No. Faks : +609 513 4839
Laman Web : <http://pkn.pahang.gov.my>



UCAPAN YAB MENTERI BESAR PAHANG

BAJET 2018 PAHANG DARUL MAKMUR



UCAPAN BAJET TAHUN 2018

Oleh

**YAB DATO SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
MENTERI BESAR PAHANG**

**KETIKA MEMBENTANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
PADA SELASA, 21 NOVEMBER 2017**

**UCAPAN BAJET TAHUN 2018
YAB MENTERI BESAR PAHANG**

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM NEGARA KU MALAYSIA**

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang dinamakan,

"Satu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu"

dibaca kali kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

1. PENDAHULUAN

1. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah inayahNya kita dapat hadir ke Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang dapat dilaksanakan pada hari ini. Pada sidang kali ini saya Insya Allah akan membentangkan Bajet Negeri Pahang Darul Makmur bagi Tahun 2018.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

2. **LATAR BELAKANG**

2. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak yang telah membentangkan Bajet Negara Tahun 2018 pada 27 Oktober 2017 dengan tema **"Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50."**
3. Dalam Bajet 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah 280.25 bilion ringgit; 234.25 bilion ringgit adalah untuk Belanja Mengurus sementara 46 bilion ringgit adalah untuk Belanja Pembangunan dan 2 bilion ringgit adalah untuk Simpanan Luar Jangka.
4. Kutipan Hasil Negara bagi tahun 2018 dijangka 239.86 bilion ringgit. Kadar Pertumbuhan Tahunan Ekonomi Negara diunjurkan antara 5.2 hingga 5.7 peratus pada tahun 2017.
5. Kerajaan Negeri mengucapkan Terima Kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan Pembinaan Wad Wanita dan Kanak-Kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan dengan kapasiti 300 katil dan meluluskan 230 juta ringgit bagi meneruskan Projek Pembinaan "*Central Spine Road*" yang melibatkan Pakej Jajaran Raub ke Bentong dan Jajaran Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

3. BAJET PERSEKUTUAN DAN BAJET NEGERI

6. Saya ingin menyentuh di sini akan perbezaan model Bajet Persekutuan dan Bajet Negeri. Bajet Persekutuan dan Bajet Negeri disusun mengikut model yang berbeza. Di peringkat Persekutuan secara teori dan amalan, semua hasil pendapatan, cukai dan seumpamanya dimasukkan ke dalam Tabung yang dinamakan Kumpulan Wang Yang Disatukan atau *Consolidated Fund* (CF). Untuk menggunakan wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan, Kerajaan melalui Menteri Kewangan akan membawa cadangan Bajet ke Parlimen; bermula dari Dewan Rakyat, kemudian ke Dewan Negara dan akhirnya mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong. Bajet yang dibentangkan ini perlu diluluskan oleh Parlimen. Dalam cadangan Bajet ini, Kerajaan akan mengusulkan sejumlah tertentu dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk tujuan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan. Patut disebutkan di sini, emolumen untuk anggota Kehakiman dan Suruhanjaya tertentu dibayar terus dari Kumpulan Wang Disatukan dan tidak tertakluk kepada Bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan dalam Parlimen. Ini menjadi amalan untuk menjamin kebebasan Badan Kehakiman dan Suruhanjaya tertentu sesuai dengan Prinsip Pengasingan Kuasa atau *Doctrine of Separation of Powers*. Setelah Parlimen meluluskan Bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan maka barulah peruntukan yang dikeluarkan dari

Kumpulan Wang Yang Disatukan sah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengurus dan membangun Negara untuk tahun tertentu.

7. Di peringkat Negeri secara teori, Kumpulan Wang Yang Disatukan juga sepatutnya ada. Namun pada amalnya semua hasil dan cukai Negeri dikutip dan dimasukkan ke dalam akaun Negeri yang diurus oleh Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Kerajaan Negeri akan membentangkan Bajet Negeri di Dewan Undangan Negeri. Cadangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di Dewan Undangan Negeri ialah untuk menggunakan hasil kutipan cukai dan lain-lain pendapatan Negeri untuk menguruskan dan membangunkan Negeri. Kerajaan akan membawa cadangan di Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan hasil Negeri untuk maksud-maksud tertentu yang disenaraikan dalam Cadangan Bajet. Secara kasar cadangan yang dibuat ialah untuk Perbelanjaan Mengurus. Berhubung dengan perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan khusus untuk digunakan bagi membiayai Projek Pembangunan dalam Negeri. Punca kewangan Kumpulan Wang Pembangunan ialah dari Caruman Kerajaan Negeri dan sumbangan Kerajaan Persekutuan dalam pelbagai bentuk geran. Untuk tahun ini, sumbangan Kerajaan Negeri kepada Kumpulan Wang Pembangunan ialah sebanyak 17.47 juta ringgit menjadikan jumlah wang dalam Kumpulan Wang Pembangunan semuanya sebanyak 58.57 juta ringgit.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

4. BAJET NEGERI 2018

8. Tema Bajet Negeri tahun ini ialah **“Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan dan Kebajikan Rakyat.”**

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

9. Temanya sangat mudah. Kita akan mengurus Negeri mengikut kemampuan kewangan yang ada tetapi pada ketika yang sama kita tidak akan mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat.
10. Bajet Negeri 2018 menganggarkan kutipan hasil berjumlah **700.64 juta ringgit**. Kutipan hasil ini diperolehi dari Hasil Tanah dan Galian 377.70 juta ringgit; Hasil Perhutanan sebanyak 102.45 juta ringgit; Hasil Air sebanyak 12.5 juta ringgit; Geran dari Kerajaan Persekutuan sebanyak 159 juta ringgit; dan lain-lain hasil sebanyak 88.99 juta ringgit.
11. Bajet 2018 menganggarkan kutipan hasil sebanyak 700.64 juta ringgit. Perbelanjaan Mengurus dijangka sebanyak 700.04 juta ringgit. Lebihan sebanyak 0.6 juta ringgit. Bermakna Bajet Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah *surplus*. Walaupun tidak banyak hanya sekadar 600 ribu ringgit, yang pentingnya surplus sebab inilah yang selalu dimainkan oleh ramai Ahli Dewan terutamanya ahli-ahli dari Pembangkang. Saya tegaskan Bajet tahun ini adalah *surplus* bukan defisit.

12. Bajet 2018 menyediakan peruntukan pembangunan melalui Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak 58.57 juta ringgit. Peruntukan pembangunan ini dikhususkan untuk projek-projek sambungan dan program-program sedia ada sahaja. Tidak ada peruntukan untuk projek-projek baru Negeri. Kerajaan Negeri masih memperuntukkan 50 juta ringgit kepada Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) untuk Pembangunan Bekalan Air.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

5. PETUNJUK EKONOMI

13. Apabila membincangkan tentang Bajet, boleh dikatakan semua pihak akan merujuk kepada Petunjuk Utama Ekonomi Negara. Kita akan merujuk kepada *Key Economic Indicators* dan biasanya kita akan memetik *Gross Domestic Product (GDP)*, *Growth Rate*, *Per Capita Income*, *Inflation Rate*, *Unemployment Rate* dan berbagai-bagai petunjuk lagi yang ada berbelas-belas tetapi apapun yang penting kita lihat bukan *Key Economic Indicators* ini sahaja atas kertas tetapi kita perlu turun ke bawah dan lihat bagaimana kegiatan ekonomi itu dijalankan. Kita perlu rujuk kepada kedai kopi, restoran, hotel, pengkalan teksi, stesen bas, kedai kopi di kampung, panggung wayang, *supermarket*, *hypermarket* dan lain-lain aktiviti yang menggambarkan kedudukan ekonomi sebenar. Kalau misalnya tempat-tempat yang saya sebutkan tadi adalah malap maka ia membawa maksud hakikatnya tidak ada kegiatan ekonomi bahkan boleh

kita katakan kegiatan ekonomi malap juga sebagaimana malapnya tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

14. Kita perlu memahami ini semua supaya kita tidak terbawa-bawa dengan soal-soal indikator atas kertas sebab pada hakikatnya rakyat di peringkat bawah masih lagi merasakan tentang tekanan kos sara hidup, tentang siswazah menganggur dan tentang masalah perumahan. Walaupun Kerajaan Negeri sebagai contoh pada tahun 2013 sebelum pilihanraya berjanji akan membina 13 ribu unit rumah tetapi pada hari ini Kerajaan telah membina 37 ribu unit rumah berbagai peringkat, masalah pertama sekarang ini ialah untuk mendapatkan pinjaman. Inilah masalah-masalah yang dihadapi rakyat tetapi Alhamdulillah Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan iaitu Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah membentangkan Bajet yang pada pandangan saya Bajet yang dibentangkan ini jika dibandingkan dengan Bajet yang dibentangkan oleh Mendiang Tun Tan Siew Sin, yang dibentangkan oleh Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Hussein, Tun Daim dan Datuk Sri Anwar Ibrahim saya berpendapat Bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini ialah Bajet yang paling terbaik dalam sejarah Bajet Malaysia. *Perhaps* dengan izin Tuan Yang Dipertua *it is the best Budget in the world so far* sebab semua lapisan masyarakat di seluruh negara mendapat sedikit sebanyak kesan dan imbuhan dan saya perhatikan tidak ada langsung golongan-golongan lapisan masyarakat yang tertinggal. Saya merujuk kepada hal-hal ini semua adalah untuk menjelaskan dan menegaskan kepada

Dewan Yang Mulia bahawa kita menyedari akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan pada ketika yang sama kita buktikan juga seperti yang saya sebutkan perbelanjaan untuk kesihatan, perbelanjaan untuk pelajaran adalah berjumlah bilion-bilion ringgit dan ini membuktikan Kerajaan sentiasa prihatin. Di Negeri Pahang ini, dengan kemampuan kewangan yang sedia ada kita juga tidak melupakan golongan yang memerlukan sama ada orang kurang upaya, ibu tunggal, anak-anak yatim, pesakit-pesakit kronik dan mereka yang ditimpa musibah. Boleh dikatakan setiap kes yang dirujuk kepada kerajaan Insya Allah akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

15. Saya ingin menyentuh sedikit tentang petunjuk ekonomi. Bagi Negeri Pahang ini kita dapat lihat, Negeri Pahang menyumbang 4.4 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara pada tahun 2016. Pada tahun 2015, angkanya adalah 4.2 peratus.
16. Pada tahun 2016, nilai pelaburan yang dapat ditarik ialah sebanyak 5.2 bilion berbanding pada tahun 2015, nilainya adalah sebanyak 3.9 bilion ringgit.
17. Kadar pengangguran di Negeri Pahang pada tahun 2016 ialah 2.6 peratus. Kadar di peringkat nasional adalah 3.4 peratus.

18. Sektor perkhidmatan masih merupakan penyumbang terbesar iaitu 22.93 bilion atau 49 peratus kepada KDNK Ekonomi Negeri pada tahun 2016.
19. Dalam tempoh *Rolling Plan* pertama Rancangan Malaysia ke Sebelas (2016-2017) pula, sebanyak 331 projek dengan nilai pelaburan melebihi 2.4 bilion ringgit telah diluluskan di Negeri ini dan kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh agensi-agensinya pelaksana.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

6. PENGURUSAN SUMBER EKONOMI

20. Saya memohon izin untuk diberi tempoh untuk menerangkan serba sedikit Pengurusan Sumber Ekonomi di Negeri Pahang. Saya berharap dengan kenyataan ini dapat menjawab sedikit sebanyak keraguan yang ditimbulkan oleh berbagai-bagai pihak khususnya Barisan Pembangkang.
21. Negeri Pahang terkenal dengan sumber hasil bumi yang kaya: tanah; perhutanan; galian seperti bijih timah, bauksit, silika, pasir; dan sumber air. Pada ghalibnya mengikut hukum akal, Pahang sepatutnya boleh menjadi Negeri terkaya di Malaysia. Ini hanya boleh berlaku kalau Pahang ditadbir secara korporat yang mementingkan keuntungan dan kepentingan kewangan semata-mata. Kalau semua kira bicara mestilah diasaskan kepada keuntungan dan sebanyak mana duit boleh dibuat dan dihasilkan. *Bottom Line* ialah keuntungan. Kita bayangkan satu

keadaan di Pahang tanah semua dilupuskan secara komersil; 50 ribu ringgit seekar dan ada setengah-setengah tempat 200 ribu ringgit seekar; dan kalau di Janda Baik, 1 juta ringgit seekar; premium pembalakan dikutip secara komersil; tarif air dikenakan semaksima, bukan seperti sekarang, 60 peratus disubsidi oleh Kerajaan sehingga Kerajaan boleh mengaut keuntungan berlipat ganda. Apakah kesannya kepada rakyat? Sudah pasti rakyat biasa tidak dapat memiliki tanah seperti sekarang ini. Rakyat masih boleh memiliki tanah seekar, empat ekar, lima ekar tanah. Harga rumah pasti meningkat di luar jangkauan rakyat biasa disebabkan bahan binaan dan hasil perhutanan meningkat harganya disebabkan premium atau cukai hasil perhutanan yang tinggi. Rakyat terpaksa membayar tarif air yang tinggi di sebuah Negeri yang mewah dengan sumber air. Ini bukanlah cara sebuah Kerajaan ditadbirkan tanpa mengambil kira kepentingan rakyat. Kita bukan mengamalkan sistem *oligarchy* iaitu sesebuah Negara ditadbirkan oleh sekumpulan kecil manusia. Jauh sekali kita mengamalkan sistem *plutocracy* iaitu sesebuah Negara ditadbirkan oleh sekumpulan kecil orang kaya.

22. Tugas sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat sebenarnya ialah mengutip cukai sepatutnya dan kemudian mengagih-agihkan cukai yang dikutip untuk menguruskan Negeri dengan menumpukan kepada kepentingan dan kebajikan rakyat. Rakyat pula menjalankan tanggungjawab membayar cukai yang munasabah untuk bersama-sama membangunkan Negeri.

23. Kerajaan tidak boleh menguasai semua kegiatan ekonomi. Dalam sistem ekonomi *laissez faire* yang kita amalkan, Kerajaan menggalakkan pihak swasta menjalankan usaha perniagaan. Kerajaan bertindak secara pemudah cara atau fasilitator di samping mewujudkan keamanan dan kestabilan politik.
24. Kerajaan Negeri menubuhkan beberapa Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP), Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang dan lain-lain. Agensi-agensi ini terlibat dalam kegiatan ekonomi tanpa menyekat syarikat-syarikat swasta menjalankan perniagaan masing-masing. Agensi Berkaitan Kerajaan di Negeri ini tidak langsung memonopoli apa-apa kegiatan ekonomi dan perniagaan. Bahkan semua agensi Kerajaan dan pihak swasta wujud beriringan menjalankan kegiatan ekonomi yang tidak pun bersaing di antara satu sama lain, sebaliknya saling lengkap melengkapi. Saya ingin menyatakan bahawa kedudukan agensi-agensi penting bagi Kerajaan Negeri seperti PSK, PKPP, Yayasan Pahang, ASPA adalah sangat-sangat mantap dan untuk kita katakan mereka tidak membantu Kerajaan Negeri adalah tidak betul walaupun Kerajaan Negeri tidak memerintahkan mereka untuk membuat sumbangan tahunan seperti sepatutnya dibuat mengikut persetujuan asal semasa agensi-agensi ditubuhkan namun apabila kerajaan memerlukan pada tahun ini sudah dua kali semua agensi datang ke depan dan menyumbangkan jumlah yang Kerajaan perlukan dan saya berpendapat mekanisma seperti ini wajar diteruskan.

25. Dalam keadaan situasi kewangan yang sedia ada Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha dan program pembangunan untuk mensejahterakan kebajikan rakyat. Kerajaan Negeri akan meneruskan program meningkatkan keupayaan pendidikan di kalangan masyarakat di Negeri Pahang melalui agensi yang terpenting yakni Yayasan Pahang dan terus memajukan Maahad Tahfiz yang sekarang ini menjadi Maahad Tahfiz terulung di Malaysia mendahului Maahad Tahfiz *anchor* yang pertama iaitu Darul Quran, Kuala Kubu Baru.
26. Kerajaan akan meneruskan bantuan kepada golongan memerlukan seperti OKU, pesakit kronik, ibu tunggal yang miskin dan anak-anak yatim. Sebahagian besar dari peruntukan Pejabat Menteri Besar yang diuruskan oleh Pejabat Kewangan Negeri dan juga peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri akan ditumpukan kepada memberi bantuan golongan yang memerlukan ini. Pada ketika yang sama Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan rumah-rumah mampu milik untuk dibeli oleh sebahagian besar dari rakyat Negeri Pahang. Insya Allah saya sendiri akan mengenengahkan di forum-forum tertentu di peringkat Persekutuan mengenai dana untuk membeli rumah. Saya telah menemui Tan Sri Wahid Omar, Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang pernah menjadi pengerusi Maybank dan menanyakan kenapakah susah sangat bagi pihak bank untuk memberikan pinjaman perumahan kepada pemohon-pemohon. Beliau telah memberikan suatu jawapan yang sangat jelas dan saya sendiri pun sangat memahaminya. Beliau mengatakan bahawa setiap pemohon itu akan dikaji pendapatan dan

perbelanjaan bulanan dan setelah ditolak segala-gala, pendapatan bersih itu akan dilihat sama ada boleh membiayai pinjaman perumahan atau tidak. Dalam banyak kes, beliau menyatakan bahawa selepas diteliti pendapatan bersih setiap pemohon, ternyata mereka tidak mampu untuk membayar pinjaman perumahan kalau diluluskan. Itulah sebabnya saya pun telah memberitahu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang Insya Allah akan membawa kepada forum yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di Mesyuarat Menteri Besar dan beberapa majlis lagi iaitu pentingnya Kerajaan memikirkan masalah rakyat dan jika perlu mewujudkan satu tabung khas untuk peminjam yang ingin membeli rumah.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

27. Saya ingin mencadangkan juga di sini supaya setiap Ahli Dewan membaca Buku Bajet yang telah disediakan dan di dalam itu ada semua butiran yang diperlukan dan saya tidak bercadang untuk menghuraikannya di sini.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

7. HUTANG KERAJAAN NEGERI DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan Bajet, saya ingin merujuk kepada tajuk Hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kalau kita terlibat dengan bidang perniagaan dan kalau kita seorang peniaga yang pandai, kita boleh berniaga

tanpa menggunakan wang kita sendiri. Kita boleh berniaga dengan hanya menggunakan wang orang lain terutama wang daripada pinjaman bank. Kalau kita dapat seratus peratus pinjaman bank dan kita gunakannya untuk berniaga maknanya kita pandai. Tetapi kalau kita gunakan wang sendiri, pinjaman bank hanya kecil jumlahnya, kita akan dikatakan oleh kawan-kawan kita sebagai tidak pandai. Ini saya diberitahu oleh pihak peniaga-peniaga yang berpengalaman.

29. Saya ingin sebutkan di sini sesebuah Kerajaan Negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan adalah satu perkara biasa dalam sesebuah Persekutuan yang mengamalkan *Federalism*. Di Malaysia ada peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan yang menentukan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam urusan mengutip cukai. Sebagai contoh cukai tanah dikutip oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan mengutip cukai pendapatan, GST, cukai kastam, cukai hiburan dan sebagainya. Kerajaan Tempatan mengutip cukai pintu atau *assessment rate*. Kerajaan Persekutuan juga wajib memperuntukkan Geran Hitung Kepala atau *Capitation Grant* dan Geran Jalan Raya atau *Road Grant* kepada semua Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan memberikan geran dan memberikan pinjaman kepada Kerajaan Negeri dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan mengikut keperluan semasa dan kesesuaian keadaan.

30. Sehingga hari ini, Negeri Pahang mendahului Negeri-negeri lain termasuk Negeri-negeri yang dikatakan kaya seperti Selangor, Sarawak dan Sabah. Kita "mendahului dan menjuarai" sebagai Negeri yang paling banyak berhutang dengan Kerajaan Persekutuan. Sehingga hari ini, hutang Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah 3.31 bilion ringgit. Semasa saya mengambil alih jawatan Menteri Besar, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan lebih kurang 1.5 hingga 1.9 bilion ringgit. Maknanya semasa saya menjadi Menteri Besar selama hampir 19 tahun hutang ini telah menjadi berlipat ganda. Hutang ini termasuk bekalan air sebanyak 2.21 bilion ringgit, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sekarang sudah tidak ada lagi, berjumlah 342.92 juta ringgit, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) berjumlah 149.18 juta ringgit, pelbagai seperti Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA), penjadualan semula hutang dan hutang banjir 2014 berjumlah 432.55 juta ringgit. Kesemuanya berjumlah 3.13 bilion ringgit. Hutang Kerajaan Negeri dengan institusi kewangan iaitu Maybank kerana membeli saham FGV berjumlah 180 juta ringgit. Ini bermakna kesemua hutang Kerajaan Negeri berjumlah 3.31 bilion ringgit.
31. Hutang bekalan air termasuklah mengganti paip-paip lama, menyelenggara bekalan air, membuat muka sauk baru, membina *Water Treatment Plant* yang baru. Ini semua memerlukan wang sedangkan tarifnya hanyalah 40 peratus daripada apa yang sepatutnya dibayar oleh pengguna. Kerajaan memberikan subsidi sebanyak 60 peratus.

32. Kemudian itu, 342.92 juta ringgit adalah hutang Perumahan Awam Kos Rendah. Kalau kita masih ingat, dahulu kita ada Rumah Kos Rendah 7 ribu ringgit sebuah, 15 ribu ringgit sebuah, akhirnya 25 ribu ringgit sebuah. Kita beri kepada rakyat, orang ramai dan mereka akhirnya tidak membayar hutang. Ini adalah hutang peruntukan perbelanjaan membina Rumah Kos Rendah pada masa itu dan peruntutannya datang dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan tidak pernah memberi secara percuma; ianya dikira sebagai hutang.
33. Hutang pelbagai iaitu MPK, hutang mengadakan Sukan Malaysia (SUKMA), penjadualan semula hutang dan hutang banjir 2014 berjumlah 432.55 juta ringgit. Kalau kita fikir banjir ini adalah urusan keselamatan, sepatutnya seratus peratus di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi kita diminta membayar hutang dan kita tidak berasa curiga, kita tidak menggelabah kerana kita tahu ini adalah hutang Negeri dengan hutang Kerajaan Persekutuan.
34. Negeri Pahang menjadi tempat untuk Kerajaan Persekutuan mengutip cukai yang banyak. Sebagai contoh pada tahun 2016, Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengutip cukai, GST, cukai kastam selain GST berjumlah 1.3 bilion ringgit. Bagi tahun 2017, pihak kastam telah mengutip 1.8 bilion ringgit dan kesemuanya diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Manakala Lembaga Hasil Dalam Negeri Pahang mengutip cukai 1.06 bilion ringgit pada tahun 2016. Ini tidak termasuk cukai yang dikenakan kepada pengunjung-pengunjung hotel yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ini tidak termasuk *Corporate Tax* yang

- dikenakan kepada Genting Highlands tahun lepas sebanyak 124 juta ringgit.
35. Kesemua cukai yang dikutip di Negeri Pahang yang menjadi hak Kerajaan Persekutuan dipulangkan ke Kuala Lumpur. Tidak ada salahnya jika Kerajaan Persekutuan memulangkan sebahagiannya kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk geran dan pinjaman. Jika kita tidak membayar hutang tidak ada apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan Persekutuan sebab kita dari satu *Federation* dan kita dari satu parti.
36. Kalau Kerajaan berlainan parti pun Kerajaan Persekutuan tidak akan mengambil apa-apa tindakan. Kelantan memerlukan berbagai bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan dalam berbagai bentuk termasuk Geran Langsung atau *Outright Grant* dan pinjaman. Namun Kerajaan Kelantan terus dikuasai oleh PAS. Oleh sebab itu, kita jangan risau. Kita mentadbir seperti biasa.
37. Kalau dicampurkan agensi-agensi Kerajaan yang ada seperti PSK, PKPP, PKNP, Yayasan Pahang dan ASPA, kesemuanya punyai kedudukan kewangan yang sangat baik. Saya tidak boleh cakap semua, agensi-agensi ini semua berada dalam keadaan yang mantap.
38. Saya berharap hal hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan janganlah dirisaukan. Negeri yang dianggap kaya seperti Sarawak, Sabah dan Selangor juga berhutang dengan Kerajaan Persekutuan.

39. Hanya pada masa akan datang kita mungkin boleh fikirkan bagaimana kita mencari ikhtiar untuk menambah pendapatan Negeri dan melangsaikan pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan.
40. Berhubung dengan menguasai kegiatan ekonomi, kita boleh ambil perlombongan bauksit sebagai contoh. Kita tidak boleh membiarkan sebagai contoh PKNP menguasai perindustrian perlombongan bauksit. Ini menjadikan sistem *laissez faire* yang saya sebutkan tadi tidak membawa erti. Orang biasa perlukan sedikit sebanyak peluang untuk merasa nikmat ekonomi di Negeri ini.
41. Kalau dalam hal bauksit, saya tidak menyalahkan Kerajaan Persekutuan yang menguasai Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains. Royalti galian sehingga tahun 2015 hanyalah 5 peratus. Hanya selepas 2015, setelah Menteri Besar Pahang bersuara, barulah kadar royalti dinaikkan kepada 10 peratus.
42. Prosedur dan kaedah pengutipan satu hal lain. Semasa perusahaan bauksit berada di kemuncaknya dahulu, royalti dikutip hanya selepas bahan bauksit dieksport ke luar Negeri. Pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan menyimpan rekod dan kemudian menjejak syarikat berkenaan untuk membayar royalti. Saya bangkitkan kepada Menteri Sumber Asli dan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia supaya royalti dikutip dahulu sebelum bahan bauksit dihantar ke luar Negeri. Setelah dibangkitkan barulah prosedur dan kaedah kutipan royalti diubah

sebagaimana sekarang. Saya bersyukur kepada Allah kerana Kementerian mengambil alih hal berkaitan dengan industri perlombongan galian.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

8. PENUTUP

43. Sebagai penutup, sebagaimana Kerajaan Persekutuan mengumumkan pemberian bantuan khas sebanyak 1,500 ringgit kepada semua penjawat awam, sukacita saya dengan ini mengumumkan pemberian bantuan khas kepada penjawat awam Negeri Pahang dengan jumlah yang sama iaitu **1,000 ringgit akan dibayar pada awal Januari 2018** dan **500 ringgit lagi dibayar menjelang Hari Raya Aidil Fitri** iaitu Jun 2018 untuk 8,000 ribu orang penjawat awam.

44. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Exco Kerajaan Negeri dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri baik di pihak Kerajaan mahupun pembangkang yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa kita berada di Dewan Undangan Negeri. Nampak proses demokrasi berjalan dengan sihat.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Saya dengan ini membentangkan Bajet 2018 dan minta mendapat sokongan.

Saya mohon mencadangkan.

**UCAPAN SEMASA PEMBENTANGAN USUL
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN
PERBEKALAN AIR TAHUN 2018**

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon izin membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi

“Bahawa dengan ini, mengikut Peruntukan Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan Kumpulan Wang Perbekalan Air dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 dengan Kumpulan-Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Bahagian 2 dan 3, yang dibentangkan dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2017.”

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang Mulia ini.

Terima kasih.